



PERASMIAN *TURKISH AEROSPACE MALAYSIA'S CYBERJAYA OPERATIONS HUB* OLEH YB DATO' SERI MOHAMED KHALED BIN NORDIN

1. **Cyberjaya, 9 Mei 2024 – YB Dato' Seri Mohamed Khaled bin Nordin merasmikan hab pejabat operasi Turkish Aerospace Malaysia.** Hab operasi utama ini beribu pejabat di Blok 3720 Coplance 5 ini, dengan 2 pejabat satelit lain di kawasan Cyberjaya buat masa ini.
2. **Turkish Aerospace mula beroperasi sebagai pusat kejuruteraan komponen aeroangkasa (*Engineering Design Center*) pada 2021** di Blok 3710 Coplance 5 dengan menggunakan nama Turkish Aerospace Malaysia. Syarikat yang berdaftar di Malaysia di atas nama TUSAS Malaysia Sdn Bhd kini telah berkembang pesat dengan kekuatan seramai hampir 120 orang pegawai, pakar dan jurutera tempatan telah berpindah operasi ke Blok 3720. Skop syarikat juga telah berkembang sekarang melibatkan rekacipta avionik dan struktur pesawat (*avionics & structural design*), penyumberan modul dan komponen (*module and component sourcing*), pemasangan akhir komponen (*component final assembly*), dan hab penyumberan pembuatan bahagian utama pesawat (*hub for sourcing of primary aircraft parts manufacturing*).
3. **Turkish Aerospace** merupakan salah satu pemain industri yang dapat menyumbang untuk merealisasikan sasaran Pelan Tindakan Dasar Pertahanan Negara (*Defense Industry Blueprint*) dan Pelan Rancangan Pembangunan Keupayaan Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) 2055 atau dikenali sebagai CAP55 (*Capability Development 55*).
4. **Turkish Aerospace Malaysia juga merupakan lambang, simbol persahabatan erat yang terjalin di antara Malaysia dan Republik Turkiye**, yang juga merupakan contoh sebenar dan manifestasi bagaimana dua negara dapat bekerjasama erat untuk kemakmuran dan kepentingan bersama dalam situasi menang-menang.
5. Kehadiran pejabat Turkish Aerospace di Malaysia ini bukan sahaja menyumbang kepada pengukuhan industri pertahanan negara, malah melibatkan juga industri aeroangkasa secara amnya. Dalam masa yang singkat, syarikat ini telah menyumbang kepada pembangunan kekuatan teknologi terkini aeroangkasa tempatan, malah turut merealisasikan beberapa sasaran NIMP 2030 iaitu *Advance Economic Complexity, design of high-complexity products; integrated into Global Value Chain including exports & increase manufacturing exports*.
6. Kementerian Pertahanan di bawah kepimpinan Menteri Pertahanan YB Dato' Seri Mohamed Khaled bin Nordin komited untuk memacu agenda pembangunan industri pertahanan, aeroangkasa dan keselamatan Malaysia ke hadapan.

7. Sejurus selesai pelancaran rasmi hab operasi Turkish Aerospace Malaysia yang baru di Cyberjaya ini, YB Menteri Pertahanan dan para delegasi seterusnya melawat operasi syarikat dan menyaksikan demonstrasi produk avionik termaju yang dibangunkan sepenuhnya di Cyberjaya ini. Avionik adalah komponen elektronik utama ibarat 'otak' yang mengawal semua pesawat-pesawat moden. Produk avionik ini telah meletakkan Malaysia di pentas dunia dan menjadi di antara hanya sebilangan kecil negara elit terpilih yang memiliki kepakaran untuk merekacipta dan membangunkan sepenuhnya komponen avionik utama pesawat-pesawat sub-sonik dan supersonik.

8. **Turut hadir**, Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Turkish Aerospace Prof Temel Kotil, Duta Besar Republik Turkiye ke Malaysia Emir Salim Yuksel, barisan kepimpinan Turkish Aerospace dan Turkish Aerospace Malaysia, serta para jemputan kehormat daripada Republik Turkiye, Kementerian Pertahanan, Cyberview, MIGHT dan lain-lain.

- TAMAT -